
SIARAN MEDIA

MyCC DAN SPRM BEKERJASAMA MEMERANGI ISU KETIRISAN PEROLEHAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 13 NOVEMBER 2020 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") telah mengadakan lawatan rasmi ke ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM"), yang diketuai oleh Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC. Dalam lawatan itu, satu perbincangan menyeluruh yang eksklusif telah diadakan dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, di mana, kedua-dua agensi penguatkuasa telah mencapai kata sepakat bahawa sudah tiba masanya kedua-dua pihak bekerjasama dalam menangani masalah ketirisan dalam perolehan kerajaan.

MyCC dan SPRM bersepakat, bahawa di dalam menangani isu ketirisan dalam perolehan kerajaan, penyiasatan bersama adalah perlu, bahkan penting, terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan tipuan bida dan rasuah sistematik.

Dalam hal ini, kedua-dua pihak turut bersetuju agar suatu Memorandum Persefahaman ("MoU") dibentuk dalam usaha untuk mewujudkan platform agar kedua-dua pihak dapat bekerjasama dengan lebih lancar. Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, "MyCC ketika ini sedang menyiasat tender bernilai lebih dari RM6 bilion yang melibatkan lebih dari 600 syarikat yang mungkin mempunyai isu bukan sahaja mengenai tipuan bida tetapi juga unsur-unsur rasuah. Dengan adanya SPRM, akan ada penyelesaian yang lebih menyeluruh terhadap ketirisan dalam perolehan kerajaan."

Usaha sama ini adalah satu langkah penting ke arah meningkatkan ekonomi negara seiring dengan mewujudkan suasana ekonomi berdaya saing yang bersih di kalangan ahli-ahli perniagaan, syarikat atau firma perunding ketika menyertai projek-projek perolehan kerajaan.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Tel +603 2273 2277 (ext 111),

Emel: azila@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Mengenai MyCC

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.